

## **Amalan Pembelajaran Pendidikan Akhlak Menurut Al-Ghazali: Kajian Terhadap Pelajar di Sekolah Agama di Negeri Perak**

*Azmil Hashim\*, Mas'ani Ahmad & Zahratun Sakinah Jamaluddin*

*Universiti Pendidikan Sultan Idris*

*azmil@fsk.upsi.edu.my\**

### **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti amalan pembelajaran Pendidikan Akhlak pelajar di Sekolah Agama di negeri Perak berasaskan teori pembelajaran Akhlak oleh al-Ghazali. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif yang diperolehi melalui tinjauan dengan menggunakan set borang soal selidik sebagai instrumen. 310 orang pelajar tingkatan empat yang telah mengambil mata pelajaran Pendidikan Islam telah dipilih untuk memberi respon terhadap soal selidik dalam kajian ini. Data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan Statistical Package for Social Science (SPSS). Hasil kajian secara keseluruhannya mendapati bahawa kaedah pembelajaran pendidikan Akhlak pelajar di SMKA Perak berada pada tahap yang tinggi. Tinjauan terhadap kaedah pengajaran akhlak menunjukkan kaedah yang sering digunakan dalam pembelajaran akhlak oleh pelajar ialah pemerhatian, riyadhah, mujahadah, muhasabah. Manakala kaedah pergaulan masih kurang diamalkan oleh majoriti pelajar. Guru-guru pendidikan Islam seharusnya menguasai kemahiran pengajaran dan pembelajaran akhlak yang berkesan bagi meningkatkan tahap penghayatan akhlak pelajar.

Kata kunci: Kaedah pembelajaran, pendidikan Akhlak, Teori pembelajaran

### **ABSTRACT**

This study aims to determine the level of learning methods for students moral subject in national religious schools in Perak based of theory learning methods by al-Ghazali. The study are conducted through surveys using a set of questionnaire as instrument. 310 form four students who have taken Islamic Education subjects were selected to respond the questionnaire in this study. Data were analysed using Statistical Package for Social Science (SPSS). The study found that learning methods for students moral subject in national religious schools in Perak has higher percentage of performance. An overview of the method of moral teaching shows the method used in moral learning by students is observation, riyadhah, mujahadah, muhasabah. While interaction is still less practiced by the majority of students. Islamic education teacher should master effective teaching and learning skills to enhance student's moral and achievement.

Keyword: learning method, akhlak education, theory learning.

### **PENDAHULUAN**

Mata pelajaran Pendidikan Islam mengikut Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) adalah salah satu mata pelajaran teras yang wajib dipelajari oleh semua pelajar beragama Islam kerana mata pelajaran ini diwajibkan kepada semua institusi pendidikan yang mempunyai lima orang atau lebih yang menganut agama Islam (Dasar Pendidikan Kebangsaan 2004). Falsafah Pendidikan Islam dibentuk dengan menyatakan;

*Pendidikan Islam adalah satu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab*

*untuk membangunkan diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat.*

*(Bahagian Kurikulum JAPIM 2004)*

Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri (2007), menjelaskan Pendidikan Islam merupakan mata pelajaran wajib dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Sebagaimana disebut dalam sukatan pelajaran KBSM, Pendidikan Islam di peringkat menengah ini merupakan kesinambungan daripada Pendidikan Islam KBSR. Para pelajar didedahkan dengan Tilawah al-Quran dan Ulum Syariah. Ia juga memberi penekanan sepenuhnya kepada aspek pengukuhan Akidah Islamiah, pemahaman kepada sifat dan cara hidup Islam serta asuhan terhadap budi pekerti dan akhlak yang mulia (Ahmad Mohd Salleh et al. 2007).

Kemerosotan akhlak atau rendahnya nilai moral merupakan fenomena yang tidak asing lagi dalam masyarakat hari ini yang turut melibatkan golongan pelajar. Kementerian Pelajaran Malaysia telah menyenaraikan lebih 50 jenis salah laku pelajar manakala mengikut buku Rekod Salah Laku/ Masalah Disiplin Pelajar, jenis-jenis salah laku pelajar sekolah atau masalah disiplin pelajar dibahagikan kepada lapan kumpulan iaitu tingkah laku jenayah, tingkah laku lucah, tingkah laku tidak mementingkan masa, tingkah laku kurang sopan dan biadab, tingkah laku musnah, tingkah laku tidak jujur atau menipu, ponteng dan kekemasan diri (Hamzah Mat Ali 2006).

Keadaan masalah akhlak pelajar masa kini dapat dilihat berdasarkan tingginya angka salah laku pelajar dari tahun ke tahun sedangkan, kurikulum Pendidikan Islam yang menyediakan pendidikan akhlak secara formal telah dijalankan dari peringkat sekolah rendah lagi. Peranan mata pelajaran Pendidikan Islam dalam membentuk akhlak mulia pelajar bukan sekadar melibatkan proses pengajaran dan pemindahan fakta-fakta mengenai agama Islam kepada pelajar dengan harapan mereka perlu meluahkan semula fakta –fakta tersebut dalam kertas peperiksaan bagi menentukan kejayaan mereka dalam mata pelajaran tersebut (Azhar Ahmad 2006).


Fenomena keruntuhan akhlak kini amat meruncing sehingga setiap hari kita disajikan dengan berita yang menunjukkan rendahnya nilai moral masyarakat sama ada ianya berlaku di sekeliling kita atau yang diperolehi dari media-media elektronik dan cetak. Hasil dapatan kajian oleh Siti Norlina Muhamad (1997), melalui kajian lapangannya di dua buah Sekolah Menengah mendapati, daripada 150 orang responden, 60% pernah mengunjungi pusat hiburan, 60% pernah menonton video lucah, 6.7% pernah minum arak dan 5.3% pernah melakukan seks bebas.

Satu fenomena yang lebih membimbangkan ialah wujudnya pelajar-pelajar yang mengambil aliran agama di sekolah turut sama tergolong dalam aktiviti salah laku ini. Fadil Sahak (2001), telah mengemukakan 32 jenis salah laku pelajar di dua buah sekolah dan dibuat perbandingan antara pelajar Sekolah Arab dengan Sekolah Menengah Agama di Kelantan. Dapatan kajian beliau mendapati sekolah tersebut terlibat dengan masalah akhlak walaupun bersekolah dalam aliran agama.

Kajian Mohd Arif Kasmu (1998) membuktikan, terdapat perbezaan yang jelas di antara amalan ajaran Islam ketika pelajar berada di sekolah dan di rumah. Dapatan kajian menunjukkan kadar penurunan amalan ajaran Islam berlaku ketika mereka berada di rumah. Antara sebab utamanya ialah ibu bapa kurang tegas dalam mendidik anak dan kebanyakannya gagal menunjukkan contoh yang baik kepada anak-anak. Persoalannya, bagaimana institusi sekolah dapat membantu mereka dalam membentuk peribadi mulia para pelajar jika tanpa bantuan ibu bapa sendiri mendidik anak-anak mereka di rumah.

Jadi, berdasarkan masalah-masalah yang didapati, tujuan kajian ini adalah untuk melihat gaya pembelajaran pendidikan akhlak yang diamalkan oleh pelajar di Sekolah Menengah Agama negeri Perak. Teori yang menjadi sandaran untuk mengetahui kaedah pembelajaran pelajar dalam kajian ini ialah Kaedah Pendidikan Akhlak oleh Al-Ghazali (1111) iaitu kaedah mujahadah, riyadah, pemerhatian, pergaulan dan muhasabah yang akan menyumbang kepada natijah akhlak baik (mahmudah) atau akhlak buruk (mazmumah).

Rajah 1: *Kerangka Teori Kajian*



Proses pembentukan akhlak manusia yang terdiri dari pelbagai kategori memerlukan beberapa kaedah. Mohd Nasir (2010), memperincikan lima kaedah yang dicadangkan oleh Al-Ghazali (1111) iaitu kaedah pertama 'mujahadah' (perjuangan), kaedah kedua 'riyadah' (latihan) yang merujuk kepada kaedah pendidikan dengan cara bersusah payah melaksanakan akhlak terpuji sehingga ia menjadi satu tabiat atau kebiasaan yang menyeronokkan bagi seseorang.

Kaedah ketiga dan keempat pula ialah pemerhatian dan pergaulan. Akhlak yang luhur dapat dimiliki dengan cara memerhati dan bergaul dengan individu-individu yang berakhlak mulia. Secara tabiinya, manusia bersifat meniru tingkah laku orang lain baik secara sedar ataupun tidak. Atas dasar itu, seseorang perlu bijak dalam pergaulan kerana bergaul dengan orang baik akan membolehkan seseorang mempelajari pelbagai tabiat baik yang dipamerkan sekaligus mencontohi tabiat tersebut. Aktiviti membaca buku-buku sejarah yang memaparkan perjuangan dan akhlak tokoh-tokoh tersohor juga mampu membantu dalam membentuk akhlak mulia pembacanya (Al-Ghazali 1111).

Manakala kaedah yang kelima pula menurut Al-Ghazali (1111) ialah kaedah muhasabah (membaiki kelemahan diri). Pelbagai cara boleh dilakukan untuk koreksi diri antaranya dengan mendampingi guru yang mampu membuat observasi terhadap diri seseorang dan tidak lokek dalam memberi nasihat untuk memperbaiki kelemahan diri. Kelemahan diri juga boleh diketahui dengan meminta kritikan dan nasihat dari rakan yang amat dipercayai. Begitu juga dengan benar-benar menginsafi segala kritikan musuh atau orang yang tidak suka kepada kita. Akhir sekali, kita perlu bergaul dengan semua lapisan anggota masyarakat kerana dalam pergaulan kita dapat mengesan penyakit atau keaiban yang terdapat dalam masyarakat dan adakah kita turut sama menghidapinya. Apabila kita sudah kenal siapa diri kita, mudahlah untuk kita membaiki kelemahan tersebut.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini akan menggunakan kaedah kuantitatif. Semua pembolehubah akan dikaji untuk meneroka kaedah pembelajaran Pendidikan Akhlak di SMKA Perak. Kajian ini melibatkan sekolah-sekolah menengah agama yang menawarkan mata pelajaran Pendidikan Islam di seluruh negeri Perak. Terdapat 5 jenis sekolah menengah yang mengambil aliran agama di negeri ini iaitu SMKA, SABK dan SMK (Kelas Aliran Agama) yang diurus oleh KPM manakala SMAN dan SMAR masing-masing diselia oleh JAIPk dan persendirian. Pengkaji membataskan kepada dua jenis sekolah sahaja iaitu SMKA dan SABK memandangkan kedua-dua sekolah ini menggunakan sistem akademik yang sama, persekitaran sekolah yang tidak jauh berbeza dan syarat kemasukan pelajar yang perlu melalui proses saringan kelayakan terlebih dahulu dengan andaian pelajar-pelajarnya mempunyai tahap intelektual yang hampir sama.

Populasi kajian ini adalah terdiri dari semua pelajar tingkatan empat yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Islam yang berjumlah 1500 orang di 27 buah sekolah SMKA dan SABK di negeri Perak (JPN 2010). Berdasarkan jadual persampelan oleh Krejcie dan Morgan (1970), jika populasi seramai 1500, sampel yang sesuai adalah seramai 306. Oleh itu, seramai 310 orang pelajar tingkatan empat yang telah mengambil mata pelajaran Pendidikan Islam akan dipilih untuk memberi respon terhadap soal selidik dalam kajian ini. Pengumpulan data adalah secara kuantitatif dalam kalangan pelajar yang akan dijala nkan dengan menggunakan satu set soal selidik yang diubah suai daripada soal selidik Azhar Ahmad (2006). Proses analisis data kajian ini akan dilakukan melalui analisis berkomputer menggunakan Statistical Package for Social Science (SPSS) Versi 20.0.1.

## DAPATAN KAJIAN

### Kaedah Mujahadah

Jadual 1: *Aplikasi Kaedah Mujahadah dalam Pendidikan Akhlak*

Kod Item	Item	Kekerapan & Peratus (N=309)					Min	SP	Interpretasi
		STS	TS	KS	S	SS			
B01	menunaikan solat	4 (1.3)	0 (0.0)	11 (3.6)	69 (22.3)	225 (72.8)	4.65	0.67	Tinggi
B02	tidak mengumpat	4 (1.3)	9 (2.9)	93 (30.1)	159 (51.5)	43 (13.9)	3.72	0.80	Sederhana Tinggi
B03	senyum	4 (1.3)	8 (2.6)	47 (15.2)	146 (47.2)	104 (33.7)	4.09	0.83	Tinggi
B04	sabar	7 (2.3)	10 (3.2)	46 (14.9)	127 (41.1)	118 (38.2)	4.08	0.95	Tinggi
B05	menyiapkan tugasan	2 (0.6)	8 (2.6)	93 (30.1)	157 (50.8)	47 (15.2)	3.75	0.81	Sederhana Tinggi
B06	membaca bahan bacaan ilmiah	6 (1.9)	16 (5.2)	139 (45.0)	104 (33.7)	43 (13.9)	3.51	0.88	Sederhana Tinggi
B07	merahsiakan ibadah	3 (1.0)	5 (1.6)	29 (9.4)	172 (55.7)	99 (32.0)	4.15	0.77	Tinggi
B08	makanan halal	0 (0.0)	1 (0.3)	18 (5.8)	127 (41.1)	163 (52.8)	4.46	0.62	Tinggi
B09	menghadiri jemputan	6 (1.9)	10 (3.2)	87 (28.2)	129 (41.7)	77 (24.9)	3.84	0.90	Sederhana Tinggi
B10	taat ibu bapa	0 (0.0)	0 (0.0)	12 (3.9)	72 (23.3)	225 (72.8)	4.68	0.54	Tinggi
<b>Keseluruhan</b>							<b>4.09</b>	<b>0.39</b>	<b>Tinggi</b>

Dapatan dalam jadual 1 di atas menunjukkan nilai min keseluruhan bagi kaedah mujahadah dalam pendidikan akhlak berada pada tahap yang tinggi iaitu 4.09 (sp.=0.39). Secara keseluruhannya empat item berada di tahap sederhana tinggi manakala enam item yang lain berada pada tahap yang tinggi terutamanya item B10 “ Saya mesti taat pada setiap perintah ibu bapa saya” (min=4.68, sp.=0.54) dan item B01 “Saya tetap akan menunaikan solat walau di mana saya berada” (min=4.65, sp.=0.67).

### Kaedah Riyadha

Jadual 2: Aplikasi Kaedah Riyadha dalam Pendidikan Akhlak

Kod Item	Item	Kekerapan & Peratus (N=309)					Min	SP	Interpretasi
		STS	TS	KS	S	SS			
B11	menghulurkan derma	0 (0.0)	4 (1.3)	42 (13.6)	183 (59.2)	80 (25.9)	4.09	0.66	Tinggi
B12	tidak gelojoh	1 (0.3)	1 (0.3)	20 (6.5)	156 (50.5)	130 (42.1)	4.32	0.68	Tinggi
B13	tiba lebih awal dari waktu yang dijanjikan	5 (1.6)	10 (3.2)	137 (44.3)	132 (42.7)	23 (7.4)	3.49	0.80	Sederhana Tinggi
B14	bersabar dengan karenah orang di sekeliling saya	7 (2.3)	6 (1.9)	58 (18.8)	155 (50.2)	83 (26.9)	3.97	0.85	Sederhana Tinggi
B15	beristighfar	2 (0.6)	10 (3.2)	74 (23.9)	140 (45.3)	81 (26.2)	3.91	0.88	Sederhana Tinggi
B16	solat di awal waktu	5 (1.6)	22 (7.1)	124 (40.1)	130 (42.1)	28 (9.1)	3.49	0.82	Sederhana Tinggi
B17	berpuasa bukan untuk mendapatkan ganjaran	8 (2.6)	1 (0.3)	3 (1.0)	51 (16.5)	246 (79.6)	4.70	0.74	Tinggi
B18	menabung untuk menunaikan ibadah haji	8 (2.6)	10 (3.2)	80 (25.9)	102 (33.0)	108 (35.0)	3.93	1.01	Sederhana Tinggi
B19	membaca al-Quran setiap hari	3 (1.0)	14 (4.5)	97 (31.4)	103 (33.3)	89 (28.8)	3.81	0.99	Sederhana Tinggi
B20	berselawat apabila mendengar nama Rasulullah disebut	0 (0.0)	2 (0.6)	12 (3.9)	80 (25.9)	215 (69.6)	4.64	0.58	Tinggi
B21	mendoakan ibu bapa	2 (0.6)	0 (0.0)	5 (1.6)	48 (15.5)	253 (81.9)	4.77	0.59	Tinggi
B22	mendoakan guru-guru	3 (1.0)	6 (1.9)	52 (16.8)	98 (31.7)	150 (48.5)	4.24	0.87	Tinggi
<b>Keseluruhan</b>							<b>4.11</b>	<b>0.42</b>	<b>Tinggi</b>

Jadual 2 menunjukkan dapatan bagi kaedah riyadha dalam pendidikan akhlak. Nilai min keseluruhan berada pada tahap yang tinggi iaitu 4.11 (Sp.=0.42). Secara keseluruhannya, enam item berada pada tahap yang tinggi terutamanya item B21 “Saya mendoakan ibu bapa saya setiap kali selepas solat” (min=4.77, sp.=0.59). Manakala enam item lagi berada di tahap sederhana tinggi dengan skor min terendah ialah item B13 “Saya akan tiba lebih awal dari waktu yang dijanjikan” (min=3.49, sp.=0.80) dan item B16 “Saya solat di awal waktu” (min=3.49, sp.=0.82).

### Kaedah Pemerhatian

Jadual 3: Aplikasi Kaedah Pemerhatian dalam Pendidikan Akhlak

Kod Item	Item	Kekerapan & Peratus (N=309)					Min	SP	Tahap
		STS	TS	KS	S	SS			
B23	Ibu bapa merupakan contoh terbaik	3 (1.0)	1 (0.3)	8 (2.6)	65 (21.0)	232 (75.1)	4.68	0.63	Tinggi
B24	Mencontohi sikap baik kawan	7 (2.3)	2 (0.6)	20 (6.5)	93 (30.1)	187 (60.5)	4.45	0.83	Tinggi
B25	fesyen tidak menyalahi syariat agama	1 (0.3)	1 (0.3)	19 (6.1)	114 (36.9)	173 (56.0)	4.46	0.70	Tinggi
B26	mencontohi tokoh-tokoh yang berjuang demi agama dan negara	1 (0.3)	0 (0.0)	38 (12.3)	134 (43.4)	136 (44.0)	4.30	0.70	Tinggi
B27	Guru-guru mampu memberikan inspirasi mencontohi akhlak baik mereka	2 (0.6)	14 (4.5)	61 (19.7)	141 (45.6)	91 (29.4)	3.98	0.85	Sederhana tinggi
B28	Berhati-hati menggunakan media massa	3 (1.0)	7 (2.3)	50 (16.2)	146 (47.2)	103 (33.3)	4.09	0.81	Tinggi
B29	tidak suka melihat situasi seorang anak yang berkasar dengan ibu bapanya	1 (0.3)	2 (0.6)	7 (2.3)	59 (19.1)	240 (77.7)	4.73	0.56	Tinggi
B30*	Gaya percakapan banyak dipengaruhi oleh gaya muda mudi masa kini	9 (2.9)	20 (6.5)	77 (24.9)	133 (43.0)	70 (22.7)	3.76	0.97	Sederhana tinggi
B31	menjauhi maksiat	0 (0.0)	7 (2.3)	50 (16.2)	120 (38.8)	130 (42.1)	4.18	0.86	Tinggi
<b>Keseluruhan</b>							<b>4.29</b>	<b>0.37</b>	<b>Tinggi</b>

Jadual 3. di atas menunjukkan nilai min keseluruhan bagi kaedah pemerhatian turut berada pada tahap yang tinggi iaitu 4.29 (Sp.=0.37). Terdapat dua item sahaja berada di tahap sederhana tinggi iaitu item B27 “Guru-guru di sekolah saya mampu memberikan inspirasi kepada saya untuk mencontohi akhlak baik mereka” (min=3.98, sp.=0.85) dan item B30 “Gaya percakapan saya banyak dipengaruhi oleh gaya muda mudi masa kini” (min=3.76, Sp.=0.97) manakala tujuh item lain berada pada tahap yang tinggi terutamanya item B21 “Saya tidak suka melihat situasi seorang anak yang berkasar dengan ibu bapanya” (min=4.73, sp.=0.86).

### Kaedah Pergaulan

Jadual 4: Aplikasi Kaedah Pergaulan dalam Pendidikan Akhlak

Kod Item	Item	Kekerapan & Peratus (N=309)					Min	SP	Tahap
		STS	TS	KS	S	SS			
B32	menjaga percakapan dan tingkah laku	1 (0.3)	7 (2.3)	81 (26.2)	175 (56.6)	45 (14.6)	3.82	0.70	Sederhana tinggi
B33	berkongsi cerita dengan ibu bapa	6 (1.9)	14 (4.5)	81 (26.2)	102 (33.0)	106 (34.3)	3.93	0.97	Sederhana tinggi

B34	berkawan dengan orang baik	8 (2.6)	11 (3.6)	112 (36.2)	119 (38.5)	58 (18.8)	3.66	0.93	Sederhana tinggi
B35	Hubungan baik dengan adik beradik	4 (1.3)	1 (0.3)	55 (17.8)	113 (36.6)	136 (44.0)	4.21	0.83	Tinggi
B36	menghormati semua guru	0 (0.0)	7 (2.3)	35 (11.3)	151 (48.9)	116 (37.5)	4.21	0.73	Tinggi
B37	Menziarahi sanak saudara	4 (1.3)	21 (6.8)	113 (36.6)	117 (37.9)	53 (17.2)	3.61	0.91	Sederhana tinggi
B38	melayan tetamu dengan mesra	2 (0.6)	15 (4.9)	70 (22.7)	149 (48.2)	73 (23.6)	3.89	0.84	Sederhana tinggi
B39	mengenali jiran	16 (5.2)	32 (10.4)	142 (46.0)	76 (24.6)	41 (13.3)	3.28	1.03	Sederhana tinggi
B40	berbuat baik dengan haiwan	3 (1.0)	6 (1.9)	91 (29.4)	118 (38.2)	91 (29.4)	3.93	0.86	Sederhana tinggi
B41	menjaga alam sekitar	1 (0.3)	9 (2.9)	66 (21.4)	145 (46.9)	88 (28.5)	4.00	0.80	Tinggi
<b>Keseluruhan</b>							<b>3.85</b>	<b>0.44</b>	<b>Sederhana tinggi</b>

Jadual 4 menunjukkan kaedah pergaulan pula berada pada tahap sederhana tinggi dengan min keseluruhan ialah 3.85 (sp.=0.44). Tiga item di skor tinggi dan tujuh item di skor sederhana tinggi dengan skor terendah ialah item B39 “Saya mengenali semua jiran saya” (min=3.28, sp.=1.03). Ini menunjukkan, keseluruhan responden bergaul pada tahap sederhana.

### Kaedah Muhasabah

Jadual 5: Aplikasi Kaedah Muhasabah dalam Pendidikan Akhlak

Kod Item	Item	Kekerapan & Peratus (N=309)					Min	SP	Tahap
		STS	TS	KS	S	SS			
B42	meminta nasihat	0 (0.0)	4 (1.3)	28 (9.1)	115 (37.2)	162 (52.4)	4.40	0.70	Tinggi
B43	menilai kembali apa yang telah dilakukan setiap hari	4 (1.3)	7 (2.3)	92 (29.8)	150 (48.5)	56 (18.1)	3.79	0.80	Sederhana tinggi
B44	melakukan solat taubat	12 (3.9)	27 (8.7)	155 (50.2)	92 (29.8)	22 (7.1)	3.26	0.88	Sederhana tinggi
B45	menerima teguran dari rakan-rakan	0 (0.0)	9 (2.9)	76 (24.6)	131 (42.4)	92 (29.8)	3.98	0.84	Sederhana tinggi
B46	menghadiri majlis agama	0 (0.0)	13 (4.2)	51 (16.5)	128 (41.4)	115 (37.2)	4.09	0.89	Tinggi
B47	mengetahui kekurangan diri melalui kata-kata dari musuh	10 (3.2)	16 (5.2)	51 (16.5)	124 (40.1)	105 (34.0)	3.93	1.07	Sederhana tinggi
B48	membaca buku-buku yang boleh meningkatkan motivasi diri	5 (1.6)	16 (5.2)	110 (35.6)	124 (40.1)	53 (17.2)	3.65	0.90	Sederhana tinggi
B49	redha	2 (0.6)	2 (0.6)	30 (9.7)	129 (41.7)	145 (46.9)	4.32	0.77	Tinggi
B50	bersyukur	2 (0.6)	0 (0.0)	2 (0.6)	64 (20.7)	240 (77.7)	4.73	0.59	Tinggi
B51	hikmah	0 (0.0)	0 (0.0)	2 (0.6)	76 (24.6)	230 (74.4)	4.72	0.52	Tinggi
<b>Keseluruhan</b>							<b>4.09</b>	<b>0.43</b>	<b>Tinggi</b>

Paparan dalam jadual 5 di atas menunjukkan nilai min keseluruhan bagi kaedah muhasabah dalam pendidikan akhlak berada pada tahap yang tinggi iaitu 4.09 (Sp.=0.43). Secara keseluruhannya terdapat lima item berada di tahap sederhana tingi dengan skor terendah ialah item B44 “Saya melakukan solat taubat” (min=3.26, sp.=0.88) manakala item yang lain berada pada tahap yang tinggi terutamanya item B50 “Saya bersyukur dengan segala kelebihan yang dianugerahkan Allah kepada saya” (min=4.73, sp.=0.59).

Jadual 6: *Perbandingan min kaedah pembelajaran akhlak*

<b>KAEDAH PEMBELAJARAN AKHLAK</b>	<b>MIN</b>	<b>Sp.</b>	<b>Interpretasi</b>
Mujahadah	4.09	0.39	Tinggi
Riyadhah	4.11	0.42	Tinggi
Pemerhatian	4.29	0.37	Tinggi
Pergaulan	3.85	0.44	Sederhana Tinggi
Muhasabah	4.09	0.43	Tinggi
<b>KESELURUHAN</b>	<b>4.09</b>	<b>0.34</b>	<b>Tinggi</b>

Jadual 6. di atas menunjukkan perbandingan nilai min bagi semua kaedah pendidikan akhlak para pelajar. Dapatan keseluruhan menjelaskan bahawa semua kaedah berada pada tahap yang tinggi (min=4.09, sp.=0.34). Kaedah yang mencapai skor tertinggi ialah Pemerhatian dengan min 4.29 (sp.=0.37) diikuti Riyadhah (min=4.11, sp.=0.42), Mujahadah (min=4.09, sp.=0.39), Muhasabah (min=4.09, sp.=0.43) dan Pergaulan (min=3.85, sp.=0.44).

## PERBINCANGAN

Al-Ghazali telah mengetengahkan idea berkaitan pendidikan akhlak untuk segenap golongan sama ada kanak-kanak mahupun orang dewasa. Menurut beliau, pendidikan akhlak sebenarnya bukan bertujuan untuk menghapuskan perangai-perangai yang kebiasaannya dianggap tercela dalam jiwa manusia. `Sebaliknya, pendidikan akhlak dalam Islam adalah untuk mengawal dan mengekang sifat atau perangai manusia yang negatif melalui kawalan daya intelek manusia dan berdasarkan syariat yang telah ditetapkan.

Terdapat beberapa kaedah yang dianjurkan oleh Islam bagi seseorang Muslim itu untuk meningkatkan akhlaknya dalam kehidupan seharian. Antara kaedah tersebut ialah menanam kesungguhan dan keazaman yang kuat dalam diri atau dikenali sebagai kaedah mujahadah. Dalam kajian ini, nilai min keseluruhan bagi kaedah mujahadah dalam pendidikan akhlak berada pada tahap yang tinggi iaitu 4.09 (sp.=0.39). Terdapat enam item berada pada tahap yang tinggi iaitu item menunaikan solat walau di mana berada, berusaha senyum, bersabar dengan pengkhianat, merahsiakan ibadah, memastikan makanan yang dimakan halal dan taat pada setiap perintah ibu bapa. Ini menunjukkan, responden mempunyai keazaman yang tinggi dalam usaha untuk meningkatkan akhlak yang mulia pada diri.

Asmawati Suhid (2009), menyatakan bagi menghasilkan azam yang tinggi ia perlu disertai dengan keimanan yang kukuh dan mantap kerana keutuhan iman dan kekuatan azam berjalan seiringan dalam penghayatan adab dan akhlak Islam.

Individu muslim juga boleh mengamalkan kaedah riyadhah iaitu mengamalkan sesuatu perkara secara bersusah payah dan berulang-ulang sehingga menjadi satu tabiat atau kebiasaan menyeronokkan bagi seseorang dalam kehidupan sehariannya. Sama ada membiasakan diri untuk



meninggalkan perkara mazmumah atau membiasakan diri mengamalkan perkara mahmudah. Dapatan bagi kaedah riyadhah dalam pendidikan akhlak ini, nilai min keseluruhan berada pada tahap yang tinggi iaitu 4.11 (Sp.=0.42). Secara keseluruhannya, enam item berada pada tahap yang tinggi terutamanya item B21 “Saya mendoakan ibu bapa saya setiap kali selepas solat” (min=4.77, sp.=0.59). Perbuatan mendoakan ibu bapa merupakan satu perbuatan yang menunjukkan wujud sifat kasih dan sayang seorang anak terhadap ibu bapa.

Beberapa perkara lagi berada di tahap sederhana tinggi antaranya melazimi menghulurkan derma, tidak gelojoh ketika makan, tiba lebih awal dari yang dijanjikan dan solat di awal waktu. Antara contoh lain yang dinyatakan oleh Asmawati Suhid (2009), mengelakkan mengumpat, mengelakkan berbohong, tidak sombong, mengucap syukur dan bertolak ansur. Dengan cara ini dapat menghapuskan akhlak yang keji dan digantikan dengan akhlak yang mulia.

Kaedah ketiga dan keempat pula ialah pemerhatian dan pergaulan. Akhlak yang luhur dapat dimiliki dengan cara memerhati dan bergaul dengan individu-individu yang berakhlak mulia. Secara tabiinya, manusia bersifat meniru tingkah laku orang lain baik secara sedar ataupun tidak. Atas dasar itu, seseorang perlu bijak dalam pergaulan kerana bergaul dengan orang baik akan membolehkan seseorang mempelajari pelbagai tabiat baik yang dipamerkan sekaligus mencontohi tabiat tersebut. Aktiviti membaca buku-buku sejarah yang memaparkan perjuangan dan akhlak tokoh-tokoh tersohor juga mampu membantu dalam membentuk akhlak mulia pembacanya (Al-Ghazali 1111). Nilai min keseluruhan bagi kaedah pemerhatian turut berada pada tahap yang tinggi iaitu 4.29 (Sp.=0.37).

Terdapat dua item sahaja berada di tahap sederhana tinggi iaitu item B27 “Guru-guru di sekolah saya mampu memberikan inspirasi kepada saya untuk mencontohi akhlak baik mereka” (min=3.98, sp.=0.85) dan item B30 “Gaya percakapan saya banyak dipengaruhi oleh gaya muda mudi masa kini” (min=3.76, Sp.=0.97) manakala tujuh item lain berada pada tahap yang tinggi terutamanya item B21 “Saya tidak suka melihat situasi seorang anak yang berkasar dengan ibu bapanya” (min=4.73, sp.=0.86).

Bagi kaedah pergaulan pula, ia berada pada tahap sederhana tinggi dengan min keseluruhan ialah 3.85 (sp.=0.44). Tiga item di skor tinggi iaitu dan tujuh item di skor sederhana tinggi dengan skor terendah ialah item B39 “Saya mengenali semua jiran saya” (min=3.28, sp.=1.03). Ini menunjukkan, keseluruhan responden bergaul pada tahap sederhana.

Manakala kaedah yang kelima pula menurut Al-Ghazali (1111) ialah kaedah muhasabah (membaiki kelemahan diri). Pelbagai cara boleh dilakukan untuk koreksi diri antaranya dengan mendampingi guru yang mampu membuat observasi terhadap diri seseorang dan tidak lokek dalam memberi nasihat untuk memperbaiki kelemahan diri. Kelemahan diri juga boleh diketahui dengan meminta kritikan dan nasihat dari rakan yang amat dipercayai. Begitu juga dengan benar-benar menginsafi segala kritikan musuh atau orang yang tidak suka kepada kita. Akhir sekali, kita perlu bergaul dengan semua lapisan anggota masyarakat kerana dalam pergaulan kita dapat mengesan penyakit atau keaiban yang terdapat dalam masyarakat dan adakah kita turut sama menghidapinya. Apabila kita sudah kenal siapa diri kita, mudahlah untuk kita membaiki kelemahan tersebut.

Nilai min keseluruhan bagi kaedah muhasabah dalam pendidikan akhlak berada pada tahap yang tinggi iaitu 4.09 (Sp.=0.43). Item yang berada pada tahap yang tinggi iaitu item meminta nasihat, menghadiri majlis agama, redha, bersyukur dan hikmah. terutamanya item B50 “Saya bersyukur dengan segala kelebihan yang dianugerahkan Allah kepada saya” (min=4.73, sp.=0.59).

Akhlak atau disposisi kejiwaan seseorang adalah tidak beku atau statik tetapi bersifat responsif terhadap pendidikan, latihan, nasihat, tunjuk ajar, peraturan undang-undang dan disiplin (Mohd Nasir 2010). Akan tetapi, tahap pencapaian manusia dalam menerima pendidikan dan perubahan adalah berbeza. Menurut Miskawayh (1030) yang dipersetujui oleh Al-Ghazali (1111) dan disorot oleh Mohd Nasir (2010), sesetengah manusia responsif terhadap pendidikan dan berubah menjadi baik dalam jangka masa yang singkat dan sesetengah yang lain pula agak sukar berubah dan kekal dalam keadaan asal walaupun menerima pendidikan yang sama. Manakala, kebanyakannya berada pada tahap sederhana atau pertengahan iaitu memiliki akhlak yang baik dan buruk sekaligus. Namun, jika tiada siapa yang ambil peduli dan terus membiarkan manusia dalam keadaan semula jadi, sudah tentu kelakuan yang buruk akan menguasai diri seseorang itu.

Al-Ghazali (1111) menambah, binatang-binatang buas terbukti boleh dilatih menjadi jinak dan akhirnya membawa banyak manfaat kepada manusia. Sepatutnya manusia yang dianugerahi akal dan mampu berfikir secara rasional pasti akan lebih berpotensi untuk menerima tarbiyah dan perubahan. Oleh itu, tujuan pendidikan akhlak akan dapat dicapai apabila nafsu menjadi patuh kepada arahan akal dan syariat.

Kajian Azhar Ahmad (2006) menunjukkan bahawa proses pembentukan akhlak seseorang dipengaruhi oleh beberapa faktor iaitu faktor warisan (baka atau keturunan), pengalaman pembelajaran lalu dan persekitaran di mana seseorang itu berada.

Proses pembentukan akhlak manusia yang terdiri dari pelbagai kategori memerlukan beberapa kaedah. Mohd Nasir (2010), memperincikan lima kaedah yang dicadangkan oleh Al-Ghazali (1111) iaitu kaedah pertama 'mujahadah' (perjuangan), kaedah kedua 'riyadah' (latihan) yang merujuk kepada kaedah pendidikan dengan cara bersusah payah melaksanakan akhlak terpuji sehingga ia menjadi satu tabiat atau kebiasaan yang menyeronokkan bagi seseorang.

Oleh itu, dapat difahami bahawa proses pendidikan akhlak bukanlah sesuatu yang mudah. Ia perlu kepada kesungguhan, tidak kenal putus asa, sentiasa memperbaiki pergaulan dan bermuhasabah untuk menjadi yang lebih baik.

## **IMPLIKASI KAJIAN DAN CADANGAN**

Tinjauan terhadap kaedah pengajaran akhlak menunjukkan kaedah yang sering digunakan dalam pembelajaran akhlak oleh pelajar ialah pemerhatian, riyadhah, mujahadah, muhasabah. Manakala kaedah pergaulan masih kurang diamalkan oleh majoriti pelajar.

Kajian juga menunjukkan bahawa empat kaedah iaitu mujahadah, riyadhah, pergaulan dan muhasabah mempunyai hubungan yang tinggi yang sepatutnya menjadi kaedah yang utama dalam pembelajaran akhlak. Manakala kaedah pemerhatian masih menunjukkan hubungan walaupun berada pada tahap sederhana. Kaedah pemerhatian ini juga perlu diamalkan dalam pembelajaran akhlak.

Jadi, berdasarkan kajian yang telah dibuat, bagi memperkasakan dan memperkukuhkan pembelajaran akhlak di SMKA, pengkaji mencadangkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Bahagian Pendidikan Islam perlu memperkukuhkan Jawatankuasa Induk merancang dan menyelaras pelaksanaan modul pengajaran dan pembelajaran akhlak yang lebih terancang dan berkesan. Selain itu, Jabatan Pendidikan Negeri melalui Sektor Pendidikan Islam perlu memantau dan memperkemas pengajaran dan pembelajaran akhlak dalam pendidikan Islam serta guru-guru pendidikan Islam seharusnya menguasai kemahiran pengajaran dan pembelajaran akhlak yang berkesan bagi meningkatkan tahap penghayatan akhlak pelajar.

## RUJUKAN

- Ahmad Mohd Salleh, Muhamod Ngah, Aziz Mat Ail dan A. Mazlan Ibrahim. 2007. *Persepsi Pelajar Terhadap Pengaruh Kurikulum Pendidikan Islam (KBSM) dalam Peningkatan Akhlak*. Jurnal Penyelidikan Pendidikan, 2006/2007: 21-36.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. T.th. *Ihya' Ulum al-Din*. Jil 1. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Asmawati Suhid. 2009. *Pendidikan Akhlak dan Adab Islam*. Konsep dan Amalan. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distribution Sdn Bhd.
- Azhar Ahmad. 2006. *Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah di Sarawak*. Tesis PhD Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Fadil Sahak. 2001. *Masalah Salah Laku Pelajar di Dua Buah Sekolah Menengah Agama di Kelantan*. Disertasi Sarjana Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Hamzah Bin Mat Ali. 2006. *Kepemimpinan Pengetua dalam Menangani Masalah Disiplin Pelajar*. Tesis Sarjana, Fakulti Pengurusan Pendidikan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tg. Malim.
- Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri. 2007. *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Skudai: UTM.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2004. *Dasar Pendidikan Kebangsaan*. Bahagian Pendidikan Islam & Moral.
- Mohd Arif Kasmu. 1998. *Pembangunan Akhlak Pelajar di Sekolah Agama*. Jurnal Pendidikan, Jil. 23, Mei: 119-127.
- Mohd Nasir Omar. 2010. *Falsafah Akhlak*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Norlina Muhamad. 1997. *Perubahan Nilai-nilai Moral Masyarakat Islam: Satu Kajian di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*. Tesis Sarjana Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya, Tg. Malim.